



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368038/052/916
Bil. : KEW(S)400-0/2/22 Jld.10 (28)
Tarikh : 17 November 2023

NOTIS PENGUMUMAN (7)

Kepada sesiapa yang berkenaan,

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

DOKUMEN RINGKASAN INVOIS BAGI PENGISYTIHARAN CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS KOMODITI PERIKANAN YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Menerusi semakan Kementerian ini telah mendapati bilangan pengisytiharan Borang 4 adalah tinggi kerana pengisytiharan dibuat mengikut setiap invoice penjualan yang dikeluarkan sebelum pemindahan atau pengeksportan dilaksanakan.
3. Oleh yang demikian, bagi tujuan memperbaiki proses pengisytiharan CJN ini, maka bermula pada **27 November 2023**, pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan hendaklah menyediakan dokumen **Ringkasan Invois – sila rujuk Lampiran 1**, setiap kali adanya pemindahan atau pengeksportan komoditi perikanan dibawa keluar dari Sabah dan diwajibkan untuk dimuatnaik ke dalam sistem E-CJN.
4. Dokumen Ringkasan Invois ini bertujuan untuk memudahkan pihak syarikat dimana pengisytiharan Borang 4 boleh **dibuat satu (1) kali sahaja** pada setiap hari dan kesemua maklumat invoice penjualan terlibat hendaklah dimasukkan ke dalam dokumen ringkasan tersebut.
5. Walau bagaimanapun, salinan invoice – invoice tersebut masih perlu disimpan oleh pihak syarikat bagi tujuan pemeriksaan oleh Unit Penguatkuasaan, Bahagian Cukai Jualan Negeri, Kementerian Kewangan mengikut keperluan selaras dengan Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998.
6. Adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan untuk memastikan bahawa jumlah pengisytiharan CJN hendaklah sama dengan dokumen Ringkasan Invois yang dikemukakan sebelum membuat perakuan dalam Borang 4.

...2/

“SABAH MAJU JAYA”



(2)

KEW(S)400-0/2/22 Jld.10 (28)

17 November 2023

DOKUMEN RINGKASAN INVOIS BAGI PENGISYTIHARAN CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS KOMODITI PERIKANAN YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH

7. Turut disertakan adalah contoh mengisi dokumen Ringkasan Invois di **Lampiran II**. Sekiranya pihak YBhg Datuk/Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung dan merujuk kepada pegawai Unit Pungutan, Bahagian Cukai Jualan Negeri, Kementerian Kewangan di talian 088-368038/052/916.

Sekian dan harap maklum.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK MOHD SOFIAN ALFIAN NAIR)

Setiausaha Tetap

Selaku Pengarah Cukai Jualan Negeri

s.k. Peguam Besar Negeri Sabah
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah
Aras 22 & 23, Blok A, Menara Kinabalu
88450 KOTA KINABALU

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah
Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Sabah
Aras 7, Wisma Kastam Sabah, Jalan UMS
88400 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Perikanan Sabah
Aras 4, Blok B, Wisma Pertanian Sabah,
Jalan Tasik, Luyang (Off Jalan Maktab Gaya),
88624 KOTA KINABALU

Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Cawangan Sabah),
Lot 72 & 73, Blok K, Plaza Utama Alamesra,
88450 KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”

RINGKASAN INVOIS
CUKAI JUALAN NEGERI KE ATAS KOMODITI PERIKANAN DIBAWA KELUAR DARI
SABAH

NAMA SYARIKAT:

NOMBOR LESEN CUKAI JUALAN NEGERI:

Bil	Nombor Invois	Tarikh Invois	Nilai Jualan (RM)	Nilai Cukai Jualan Negeri (RM)

Disediakan oleh,

Nama:

Jawatan:

Cop Syarikat:

Tarikh Pengeksportan/:
Pemindahan

CONTOH

RINGKASAN INVOIS

**CUKAI JUALAN NEGERI KE ATAS KOMODITI PERIKANAN DIBAWA KELUAR DARI
SABAH**

NAMA SYARIKAT: OCEANIC FISHES SDN BHD

NOMBOR LESEN CUKAI JUALAN NEGERI: KEW/KP/XX/2023

Bil	Nombor Invois	Tarikh Invois	Nilai Jualan (RM)	Nilai Cukai Jualan Negeri (RM)
1.	I157812125	14/11/2023	2,000.00	100.00
2.	I201534582	15/11/2023	2,320.00	116.00
3.	I234265821	15/11/2023	2,534.00	253.40
4.	I264587132	15/11/2023	6,500.00	325.00
Jumlah Keseluruhan			13,354.00	794.40

Disediakan oleh,

Nama: Sally

Jawatan: Pengurus

Cop Syarikat:

Masukkan nombor rujukan invois - invois yang akan dieksport/dibuat pemindahan pada 15 November 2023.

Tarikh Pengeksportan/: 15 November 2023
Pemindahan